

02 MAR 2000

MAHATHIR-CLOB

PERDANA MENTERI HARAP ISU CLOB DAPAT DISELESAIKAN

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan harapan agar isu Central Limit Order Book (CLOB) dapat diselesaikan selepas Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Singapore Exchange Ltd (SGX) memeterai perjanjian untuk menyediakan perpindahan saham CLOB kembali ke Malaysia.

"Saya harap begitulah," katanya kepada pemberita apabila ditanya sama ada beliau merasakan kebuntuan isu saham CLOB sejak 17 bulan lalu telah berakhir selepas menyampaikan ucapan di Seminar Pengurusan Asean yang dianjurkan oleh Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren) dari Jepun, di sini.

BSKL dan SGX memeterai perjanjian bulan lalu bagi membolehkan perpindahan saham CLOB yang ketika ini masih disimpan dalam akaun penama dibenar Central Depository (Pte) Ltd (CDP) ke Malaysian Central Depository Sdn Bhd (MCD) kepada sekuriti pelabur individu untuk diurusniagakan di BSKL.

Di bawah perjanjian BSKL dan SGX, kedua-dua bursa itu akan memudahkan pelaksanaan cadangan dipinda oleh Effective Capital Sdn Bhd bagi satu-satunya cadangan yang mematuhi semua peraturan dan prosedur BSKL dan MCD apabila status penama dibenar CDP dilanjutkan pada 31 Dis, 1999.

Tawaran Effective Capital untuk membeli saham CLOB itu diterima berbanding beberapa tawaran oleh syarikat lain.

Apabila ditanya sama ada beliau menjangkakan cadangan lain atau hanya satu cadangan (daripada Effective Capital) bagi isu CLOB, beliau berkata: "Saya tidak kisah bagaimana ia diselesaikan, yang penting ia dapat diselesaikan."

Berhubung dengan sama ada beliau merasakan satu kemajuan telah dicapai berkaitan isu CLOB, Dr Mahathir berkata: "Saya percaya sesuatu yang telah berlaku apabila ia berlaku."

-- BERNAMA

MK SHY ZK